

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 FEBRUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Optimis Malaysia tak terpalit kemelesetan

CABARAN EKONOMI GLOBAL

OPTIMIS MALAYSIA TAK TERPALIT KEMELESETAN

+ Georgetown

Malaysia yakin untuk mencapai pertumbuhan positif dan mengelakkan kemelesetan pada tahun ini walaupun perlu berdepan dengan cabaran global, menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Walaupun pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini diunjurkan sederhana berbanding 2022, Tengku Zafrul berkata, beliau optimis bahawa Malaysia tidak akan mengalami kemelesetan.

"Definisi kemelesetan

ialah pertumbuhan negatif KDNK (keluaran dalam negera kasar) bagi dua suku berturut-turut. Bank Negara Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia mengunjurkan Malaysia untuk terus meraih pertumbuhan ekonomi positif dalam julat tiga hingga lima peratus.

"Saya tidak fikir kita akan mengalami kemelesetan. Bagaimanapun, berbanding pertumbuhan yang kita capai pada 2022, akan terdapat sedikit kesederhanaan.

Berbanding pertumbuhan pada 2022, akan terdapat sedikit kesederhanaan
Tengku Zafrul

"Sehubungan itu, kita perlulah merebut peluang ini untuk memastikan semua enjin pertumbuhan kita kekal aktif terutama daripada segi perdagangan dan pelaburan," katanya kepada Bernama semasa lawatannya ke Pulau Pinang.

Pada 2022, jumlah perdagangan Malaysia mele过asi paras RM2 trilion untuk tahun kedua berturut-turut iaitu RM2.8 trilion, dengan eksport mencapai RM1.6 trilion, melebihilah unjuran Rancangan Malaysia Ke-12, ma-

nakala import menccah hampir RM1.3 trilion.

Dalam lawatannya ke Pulau Pinang (3 hingga 4 Februari), Tengku Zafrul berkata, beliau mengadakan pertemuan dengan pegawai tertinggi negeri dan peserta industri untuk membincangkan usaha mengukuhkan ekosistem perindustrian di negeri itu berikutan.

Pulau Pinang adalah antara destinasi pelaburan utama sektor elektrik dan elektronik (E&E) dan teknologi perubatan.

"Kita perlu menarik pelaburan berkualiti tinggi yang berupaya menawarkan pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan

negara. Kita juga mahu FDI (pelaburan langsung asing) ini dapat diterjemahkan kepada DDI (pelaburan langsung domistik).

"Kita mahu membangunkan perusahaan kecil dan sederhana yang boleh mewarkan perkhidmatan dan menjadi pembekal kepada syarikat multinasional yang beroperasi di sini."

"Pulau Pinang ialah contoh terbaik untuk tujuan ini memandangkan banyak syarikat multinasional yang bekerjasama dengan syarikat kecil sehingga syarikat-syarikat ini dapat berkembang dan disenaraikan di bursa saham," katanya.

- Bernama